

RANCAKKAN PELIBATAN WANITA DALAM PKS



PADA peringkat antarabangsa, wanita kini mewakili satu pertiga daripada jumlah mereka yang terlibat dalam kegiatan keusahawanan dan kaum Hawa muncul sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang semakin penting apabila antara 40 peratus hingga 50 peratus perniagaan dimiliki oleh golongan ini. Dalam hal ini, kerajaan Malaysia mengikut perkembangan arus perdana dengan menyediakan prasarana dan sistem sokongan yang baik bagi usahawan tempatan untuk berkembang maju dan sekali gus tidak mengamalkan diskriminasi jantina.

Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan bagi menyediakan keperluan dan memberikan galakan kepada wanita di Malaysia, terutama dalam aspek program pembangunan transformasi ekonomi. Dalam Belanjawan 2013, perbelanjaan pengurusan berjumlah RM10.96 juta disediakan untuk manfaat dan pembangunan wanita.

Keupayaan kerajaan menyediakan dana yang besar dengan kepesatan pembangunan yang rancak, menunjukkan pengiktirafan kerajaan kepada rakyat, termasuk kepada golongan wanita. Banyak program pembangunan wanita, seperti memberikan sokongan dalam bentuk kewangan, khidmat bimbingan dan nasihat, kemudahan niaga, serta perlindungan dan latihan dilaksanakan dengan tujuan untuk memperkasakan kedudukan usahawan wanita yang relevan sebagai satu daripada entiti yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dengan hal demikian, usahawan wanita di negara ini seharusnya bijak memanfaatkan peluang yang disediakan bagi memastikan mereka mampu menjanakan pendapatan melalui aktiviti perniagaan yang diceburi, khususnya yang melibatkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pencapaian sektor PKS yang kini dilihat cukup memberangsangkan, antaranya kerana

disokong oleh peranan yang dimainkan oleh persatuan usahawan wanita yang lebih teratur dan mantap, menjadi faktor yang signifikan untuk merencanakan pelibatan wanita dalam sektor ini lagi.

Kebanyakan PKS sedia ada di negara ini berorientasikan domestik, justeru terdapat juga syarikat yang sudah melangkaui sempadan dengan bersaing dalam pasaran serantau dan global. Dalam hal ini, kerajaan sentiasa menyokong dan menggalakkan usahawan supaya meneruskan hubungan mereka dengan rantau ini serta meneroka segmen yang mempunyai masa hadapan yang positif untuk mengembangkan perniagaan. Bagi meneroka peluang di luar sempadan Malaysia, peserta PKS tempatan harus mewujudkan pusat tumpuan utama di setiap negara dengan mengenal pasti rangka kerja perniagaan yang utama, selain peka dengan perkembangan peraturan di negara yang terbabit.

Usahawan wanita perlu melangkah dengan lebih positif dalam melebarkan sayap perniagaan masing-masing dan mengelakkan diri daripada terlalu membincangkan isu cabaran yang berkaitan dengan gender kerana pasaran tidak berpihak kepada mana-mana jantina. Hal ini dikatakan demikian kerana sekiranya usahawan terlalu memikirkan perihal cabaran tersebut, hal ini dapat mengekang mereka untuk melangkah lebih jauh lagi. Sebaliknya, mereka perlu memikirkan isu yang lebih penting dalam melayari bahtera perniagaan. Antara isu yang penting dalam perniagaan yang harus diberikan tumpuan termasuklah tentang harga produk yang kompetitif, jadual penghantaran dan kualiti produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat masing-masing.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa usahawan lelaki begitu mendominasi sektor PKS domestik. Berdasarkan kaji selidik terbaru, dapatan menunjukkan bahawa pelibatan wanita dalam sektor itu agak relatif rendah, iaitu hanya 19.7 peratus daripada keseluruhan 645 136 PKS di Malaysia. Kaji selidik yang dilakukan pada tahun

2011 merekodkan sejumlah 645 136 PKS dengan 90 peratus daripadanya menjalankan perniagaan dalam sektor perkhidmatan; pembuatan (5.9 peratus); pembinaan (tiga peratus); pertanian (satu peratus) serta perlombongan dan kuari (0.1 peratus).

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, pelibatan wanita Malaysia dalam sektor PKS jauh lebih rendah berbanding dengan negara lain, seperti Taiwan yang mencatatkan 36.2 peratus dan Australia yang mencapai 31.5 peratus. Walaupun pencapaian wanita Malaysia dalam sektor PKS masih rendah, secara keseluruhannya pelibatan wanita tempatan dalam sektor ekonomi negara adalah memberangsangkan dan

**Pelibatan wanita
Malaysia dalam
sektor PKS jauh lebih
rendah berbanding
dengan negara lain,
seperti Taiwan yang
mencatatkan 36.2
peratus dan Australia
yang mencapai 31.5
peratus.**

mempunyai potensi untuk berkembang dengan lebih rancak.

Dalam perkembangan yang lain, SME Corporation Malaysia (SME Corp) menasaskan jumlah usahawan wanita di negara ini meningkat kepada 30 peratus dalam sektor PKS menjelang tahun 2020. Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Datuk Hafsa Hashim berkata, beliau yakin sasaran itu dapat dicapai, terutama jika lebih banyak usahawan wanita kecil-kecilan mendaftarkan perniagaan mereka secara rasmi.

Dengan menyedari hakikat bahawa ada dalam kalangan usahawan mikro

yang mungkin tidak mahu mendaftarkan syarikat mereka kerana isu cukai dan sebagainya, maka pihak SME Corp mengambil inisiatif untuk mendidik usahawan berkaitan dengan isu tersebut. Program Jaringan Sinergi Usahawan Wanita 2013 yang dilaksanakan merupakan satu daripada usaha untuk menyediakan platform kepada usahawan wanita bagi menjalankan jaringan perniagaan serta mempelajari amalan terbaik perniagaan melalui sesi perkongsian pengalaman dengan tokoh usahawan dan syarikat yang berjaya.

Kadar 19.7 peratus yang merujuk pelibatan usahawan wanita di Malaysia tidak termasuk sejumlah besar lagi usahawan wanita yang terbabit dalam sektor tidak rasmi, iaitu mereka yang memiliki lesen perniagaan, tetapi tidak mendaftarkan syarikat. Pihak SME Corp berharap supaya lebih banyak usahawan wanita yang mendaftarkan perniagaan mereka. Hal ini bagi membolehkan bantuan dan pembiayaan dana disalurkan dengan lebih efektif.

Jabatan Statistik Malaysia menganggarkan bahawa 31 peratus usahawan di Malaysia tidak berdaftar, terutamanya yang membabitkan perniagaan mikro berbanding dengan 14 peratus yang dicatatkan di Singapura dan sembilan peratus di Amerika Syarikat. SME Corp menasaskan peraturan itu akan menurun sehingga 14 peratus dalam tempoh tujuh tahun lagi. Sejak tahun 2004, sektor PKS di Malaysia mencatatkan pertumbuhan melebihi kadar Keluaran Dalam Negara Kasar setiap tahun dan pada masa ini, dicatatkan menyumbang 32 peratus kepada pendapatan negara.

Oleh sebab wanita mempunyai sifat semula jadi tertentu yang mempunyai elemen positif, seperti mempunyai komitmen dan daya fokus yang tinggi, hal ini membolehkan mereka mengurus syarikat dengan baik. Hal ini diakui oleh banyak wakil syarikat besar pada peringkat antarabangsa bahawa kebanyakan wanita yang dilantik dalam lembaga pengarah atau memegang jawatan dalam pengurusan, pertumbuhan syarikat

berjaya menunjukkan perkembangan yang lebih baik.

Sekiranya dibandingkan dengan wanita di luar negara, bahkan di negara maju sekalipun, wanita di Malaysia dianggap bertuah kerana masalah gender tidak begitu ketara hingga menjadi kekangan untuk kaum Hawa mengorak langkah dengan lebih jauh dalam bidang perniagaan. Sungguhpun masih ada unsur "sosiopsikologi" yang membelenggu masyarakat di negara membangun, wanita Malaysia masih mempunyai ruang untuk memajukan diri dan merebut peluang dalam bidang keusahawanan, di samping terlibat sebagai "orang penting" dalam bidang korporat dan pengurusan.

Sehubungan dengan itu, Rangkaian Ahli Perniagaan Wanita (WBN) menerusi Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) sentiasa meneruskan usaha untuk mendepani cabaran perbezaan gender. Menurut pengerusinya, Datuk Dr. Norraesah Mohamad, WIEF dan WBN sentiasa memfokuskan usaha untuk membangunkan golongan wanita dalam perniagaan dan keusahawanan. WIEF percaya bahawa wanita ialah penyumbang yang penting kepada perkembangan dan pembangunan negara.

Sememangnya WBN dan WIEF diwujudkan untuk mempromosikan, memperkembangkan dan memperkukuh penyertaan wanita dalam perniagaan dengan berteraskan keyakinan bahawa bidang perniagaan dan keusahawanan sebagai gerbang dan jalan kepada kehidupan berdaya dan kebebasan ekonomi wanita. Tumpuan diberikan kepada pendekatan yang praktikal dengan menyediakan program latihan untuk ahli perniagaan dan usahawan wanita, khususnya kepada mereka yang baru bermula dalam sektor PKS, menerusi pengurusan kewangan, strategi pasaran, penjenamaan dan pembungkusan.

Usaha bagi merencanakan pelibatan usahawan wanita dalam sektor PKS berupaya mencapai matlamat yang disasarkan sekiranya sesebuah negara



SimpliSity, produk keluaran Siti Nurhaliza



Sendayu Tinggi, produk keluaran Rozita



Nani's frozen, produk keluaran Rozaini



Aspek pendidikan juga mampu memperkasakan golongan wanita supaya berdaya saing dalam sektor perniagaan.

mengiktiraf wanita sebagai aset ekonomi, sumber manusia yang berharga dan bukan untuk tujuan dieksploitasi. Kuasa wanita tidak semata-mata dilihat sebagai tenaga penggerak ekonomi dengan menjadi pengguna dan pekerja sahaja. Sebaliknya, peranan wanita adalah lebih luas daripada itu, malah setanding dengan golongan lelaki yang lebih mendominasi sektor ini.

Aspek pendidikan juga mampu memperkasakan golongan wanita supaya berdaya saing dalam sektor perniagaan yang menyaksikan perubahan nilai apabila golongan Hawa tidak lagi hanya tertumpu di dapur sahaja, sebaliknya mereka mampu meneroka peluang yang terbuka luas

di sekeliling mereka. Sementara itu, teknologi juga merupakan elemen yang perlu diberikan perhatian agar golongan wanita yang terlibat dalam aktiviti perniagaan dapat memastikan bahawa mereka mengetahui serta menguasai kehendak trend pasaran.

Sementara itu, berdasarkan pengalaman Pengurus Besar Megam Capital dari Sepanyol, Maria Eugenia Giron, menurut beliau tiada cara lain untuk menjadi usahawan yang berjaya dan bertahan pada hari ini kecuali dengan mengembangkan pasaran berasaskan geografi. Giron yang juga Pengarah Eksekutif IE Business School Premium and Prestige Business Observatory berkata, sebagai ketua pegawai eksekutif dalam mana-mana perniagaan, seseorang itu perlu bermula dengan melihat dunia sebagai sasaran pasaran. Oleh hal demikian, usahawan wanita di negara ini harus melihat hal ini sebagai sesuatu yang signifikan untuk memastikan mereka dapat meningkatkan daya juang masing-masing dalam dunia perniagaan yang diceburi. DE